

Tingkat kemahiran rebut peluang jayakan WKB 2030

BH - 22/10/2019 ml:3

Hanya golongan berkeupayaan laksana program diberi peluang

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan peluang di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) disediakan hanya untuk golongan yang boleh melaksanakannya dengan jaya, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, mereka perlu mempersiapkan diri dengan latihan dan kemahiran diperlukan apabila diberi peluang kerajaan.

"Apa yang berlaku dalam Wawasan 2020, apabila mereka diberi peluang, mereka meniasiasikan peluang itu, mereka mahu wang dengan cepat. Ini menyebabkan wawasan (2020) tidak tercapai," katanya pada sesi soal jawab pada Persidangan Praxis Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) 2019 di sini, semalam.

Dr Mahathir menegaskan, rakyat Malaysia perlu bertindak sewajarnya terhadap program dan insentif digariskan dalam WKB 2030 bagi menjayakannya.

Sikap yang salah perlu diubah, katanya ketika menjawab soalan Pengerusi BERNAMA, Datuk Seri Azman Ujang menge-

nai keberkesanan program dilaksanakan di bawah Wawasan 2020.

Ditanya sama ada WKB 2030 boleh dicapai kerana ia hanya membabitkan tempoh 10 tahun berbanding Wawasan 2020, Perdana Menteri berkata, ia adalah satu kesinambungan membabitkan perancangan hampir 30 tahun.

"Apa diperlukan ketika ini adalah membetulkan kegagalan itu, mencari kelemahan dan mengatasinya dan ini yang kami lakukan kerana kami tahu sebab kita tidak dapat mencapai Wawasan 2020 pada masa yang ditetapkan.

"Sekarang adalah masa membetulkan kesilapan Wawasan 2020 dan memanfaatkan wawasan itu serta memperkukuhkan modus operandi dalam mencapai sasaran," katanya.

WKB 2030 dilancarkan Dr Mahathir pada 5 Oktober lalu yang menetapkan 10 sasaran ekonomi utama dan fokus agihan menjelang 2030.

Kerajaan juga akan memberi keutamaan kepada sembilan kumpulan sasar dalam pelaksana-

naan WKB 2030 bagi membolehkan kedudukan sosioekonomi mereka dibaik pulih.

Kumpulan itu adalah golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), miskin tegar dan rentan ekonomi; masyarakat dalam transisi ekonomi; Orang Asli; Bumiputera Sabah dan Sarawak; orang kurang upaya; belia; wanita; kanak-kanak serta warga emas.


Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada 1991 oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri ketika itu, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Menjelaskannya lagi pada peserta persidangan itu semalam, Perdana Menteri menyatakan keyakinannya bahawa perkhidmatan awam sedia ada boleh menyumbang dengan efisien dalam mencapai agenda nasional.

Namun, beliau melihat keperluan dalam kalangan penjawat awam perlu dilatih dan diberi pendedahan serta bimbingan

"Sepanjang tempoh kita mempunyai kerajaan kleptokratik, bukan sahaja wang dicuri, tetapi keseluruhan perkhidmatan awam terjejas sehingga membuatkan mereka mengangap perbuatan rasuah tidak salah.

"Orang teratas rasuah jadi mereka fikir kenapa mereka tidak boleh ambil (rasuah) untuk diri mereka. Jadi, bila kami (kerajaan Pakatan Harapan) ambil alih, perkara pertama yang kami lakukan adalah membuang pegawai yang rasuah dan membersihkan seluruh jentera kerajaan," katanya.

 **Sekarang
adalah masa
membetulkan
kesilapan
Wawasan 2020.**

**Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri**